

# Pembelajaran norma baharu tingkat profesion guru

**Kehidupan** masyarakat dunia masih belum pulih sepenuhnya sejak penularan pandemik COVID-19.

Banyak pihak termasuk warga pendidik masih mengalami gangguan akibat penutupan pusat pembelajaran baik di peringkat sekolah, mahupun institusi pengajian tinggi (IPT).

Oleh kerana sistem pendidikan masa kini masih tertumpu kepada pembelajaran formal di bilik darjah atau bilik kuliah, penutupannya dalam tempoh yang lama membimbangkan pelbagai pihak.

Pembelajaran tidak dapat dilaksanakan secara normal mengakibatkan jurang pencapaian pelajar semakin bertambah besar.

Di sebalik ketiadaan pembelajaran formal dalam kelas atau dewan kuliah, terdapat inisiatif melaksanakan sesi atau aktiviti pembelajaran secara digital. Bagi tenaga pengajar di IPT, pembelajaran teradun sememangnya lama dipraktikkan memandangkan pelajar agak matang dan boleh berdikari.

Namun, penutupan sekolah menggusarkan ibu bapa, pelajar dan guru kerana sesi pembelajaran menjadi pasif. Guru dan pelajar sekolah tidak terbiasa dengan pembelajaran digital sama ada

secara segerak atau tidak segerak.

Cabaran lebih besar bagi mereka di kawasan luar bandar dan pedalaman kerana kemudahan infrastruktur yang kurang lengkap bagi sesi pembelajaran secara dalam talian.

Banyak impak negatif daripada pandemik ini, namun tidak dinafikan secara tidak langsung membuka peluang untuk warga pendidik meningkatkan profesionalisme keguruan mereka.

Program pembangunan profesionalisme berbentuk latihan praktikal berkaitan kemahiran penggunaan teknologi dalam pengajaran, penyediaan bahan pengajaran secara digital dan pengendalian masalah teknikal amat diperlukan.

Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) di sekolah juga boleh di-

perkukuhkan sebagai platform pembangunan guru.

Kolaborasi guru tanpa sempadan merentasi sekolah, daerah dan negeri mahupun negara boleh menggalakkan kerjasama guru bagi menyelesaikan isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran murid.

Berbekal ilmu diperoleh melalui program pembangunan profesionalisme, guru sebagai ejen perubahan perlu berinovasi dan kreatif bagi merancang dan melaksanakan pembelajaran secara di-

gital dengan lebih bermakna. Penginovasian dalam pengajaran memerlukan komitmen guru sepenuhnya dalam mendepani cabaran norma baharu dalam sesi pembelajaran pelajar.

Selain itu, guru boleh mula melaksanakan pembelajaran teradun mengikut keperluan dan kesesuaian tahap pelajar dan topik pembelajaran. Gabungan pembelajaran formal dan digital ini dapat menyediakan pengalaman bagi menghadapi situasi kecemasan sekiranya penutupan sekolah terpaksa dilaksanakan semula.

Pihak bertanggungjawab boleh menarik penyertaan seluruh pemegang taruh bagi bekerjasama membantu institusi pendidikan bagi menangani cabaran pembelajaran dalam era pandemik COVID-19, selain memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Kesimpulannya, institusi pendidikan sedang mengalami impak luar biasa akibat penutupan sekolah.

Semua pihak perlu memberi sokongan jitu kepada warga pendidik menghadapi cabaran pandemik bagi memastikan pembelajaran pelajar berterusan, bak kata pepatah 'alah bisa tegal biasa'.

*Pensyarah Kanan Pusat Kajian Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*



**Dr Roslinda Rosli**

